



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 28 NOVEMBER 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

172 lesen runcit diberi pastikan stok musim banjir cukup

Tanah Merah: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melantik 172 pemegang lesen runcit barang kawalan berjadual stok mini untuk kawasan terjejas banjir, bagi memastikan bekalan mencukupi serta mudah diperolehi.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata ini membabitkan 78 Peruncit Terpilih, 45 Pemborong Terpilih, 30 stesen minyak dan 19 premis untuk bekalan ayam, telur serta gas petroleum cecair (LPG) sebagai persediaan menghadapi musim banjir.

Beliau berkata, pelan persediaan itu diadakan bagi mengelakkan gangguan bekalan barang sekali gus mengekang berlaku peningkatan harga keterlaluan akibat bekalan yang berkurangan pada musim tengkujuh.

“Pemilihan pemegang stok mini adalah berdasarkan kedudukan sebagai pemegang lesen runcit barang kawalan berjadual, lokasi, lokaliti serta kapasiti perniagaan barang kawalan dan keperluan asas yang dijalankan.

“Lantikan pemegang lesen dibenarkan untuk menambah dan menyimpan barang kawalan berjadual sebanyak 30 peratus lebih dari had simpanan sedia ada dalam lesen runcit barang kawalan berjadual sehingga berakhirnya tempoh banjir pada Mac nanti.

“Sebagai langkah persediaan juga, kami mengadakan libat urus bersama agensi lain di negeri dan daerah berdasarkan bekalan dan keperluan yang dijangka berisiko,” katanya kepada pemberita ketika melawat premis pemborong, di sini, semalam.

Azman berkata, pemegang lesen runcit barang kawalan berjadual dan pemegang stok mini bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan barang kawalan sebagaimana yang dilesenkan serta barang-barang keperluan asas lain yang dijual di premis sentiasa mencukupi dan dijual dengan harga yang ditetapkan oleh kementerian.

Menurutnya, pemegang yang tertakluk di bawah Peraturan 4, Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 itu perlu mematuhi arahan yang dikeluarkan daripada Pengawal atau Pegawai Bekalan dari semasa ke semasa berhubung bekalan, penjualan dan pengedaran barang kawalan.

Mangsa banjir meningkat

- Lebih 34,000 mangsa banjir di tujuh negeri
- Dua kematian sejak 21 November lalu

PETALING JAYA – Mangsa banjir di tujuh negeri terus meningkat kepada 34,289 orang setakat pukul 5 petang semalam yang kini ditempatkan di 220 pusat pemindahan sementara (PPS).

Mereka terdiri daripada 11,547 keluarga daripada 32 daerah di dalam negeri Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu, Selangor dan Pahang.

Dua kematian dicatatkan akibat banjir yang mula melanda hujung minggu lalu.

Laman web Agensi Pengurusan Bencana Negara menunjukkan, Kelantan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 10,907 mangsa daripada 4,077 keluarga diikuti Perlis, 270 mangsa daripada 2,437 keluarga yang

berlindung di 90 PPS.

Perak pula mencatatkan 5,313 mangsa daripada 1,701 keluarga, Kedah (4,270 daripada 1,442 keluarga), Terengganu (4,013 daripada 1,222 keluarga), Selangor (2,497 daripada 660 keluarga) dan Pahang (19 daripada lapan keluarga).

Banjir di Kelantan melibatkan sembilan daerah iaitu Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Pasir Puteh, Gua Musang dan Pasir Mas.

Perak pula tujuh daerah termasuk Manjung, Perak Tengah, Hilir Perak, Bagan Datuk, Larut, Matang dan Selama, Muallim serta Kuala Kangsar.

Terengganu di Marang, Setiu, Besut, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman, manakala Selangor di Kuala Selangor, Sabak Bernam, Klang serta Hulu Selangor.

Pahang melibatkan satu daerah iaitu di Lipis, manakala Perlis melibatkan hampir



TANAH runtuh yang membawa pokok hutan menyebabkan laluan utama menuju Wang Kelian dan View Point ditutup sepenuhnya kerana mengancam keselamatan pengguna.

seluruh negeri.

Sementara itu di **Padang Besar**, Ketua Polis Daerah Padang Besar, Asisten Komisioner Mohd. Shokri Abdullah berkata, laluan utama menuju Wang Kelian dan View Point ditutup sepenuhnya kepada semua pengguna jalan raya kerana berisiko menggugat keselamatan.

Katanya, laluan hanya akan dibuka semula selepas Jabatan Kerja Raya mengesahkan keadaan jalan stabil, sesuai dan benar-benar selamat untuk dilalui.

"Sebarang perkembangan mengenai pembukaan semula

laluan akan dimaklumkan selepas penilaian lanjut dibuat," katanya.

Di **Tanah Merah**, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan, Azman Ismail berkata, sebanyak 15 buah stesen minyak di kawasan berisiko banjir dibenarkan untuk menyimpan 30 peratus kuota tambahan bekalan sepanjang musim tengkujuh.

"Ia supaya bekalan minyak mencukupi di kawasan tertentu selain memudahkan operasi anggota pasukan penyelamat dan sukarelawan bertugas

semasa banjir.

"Kebanyakannya berada di Rantau Panjang, Pasir Mas, Tumpat dan beberapa kawasan lain. Jumlah kuota bagi setiap stesen minyak juga berbeza kerana had sebanyak 400,000 liter minyak diberikan kepada stesen yang terletak di kawasan sempadan Malaysia-Thailand setiap bulan.

"Kuota 100,000 hingga 150,000 liter sebulan diberikan kepada stesen minyak yang terletak sedikit jauh dari sempadan seperti Gua Musang, Pasir Puteh dan Jeli," katanya.



Program patuh

PEMERIKSAAN tanda patuh yang perlu dipaparkan peniaga pada Program Patuh peringkat negeri di Pasar Tanjung Rambutan, Ipoh, semalam. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak melancarkan inisiatif 'Program Patuh' dengan menjadikan Pasar Awam Tanjung Rambutan sebagai projek perintis di negeri ini.

KPDN jamin bekalan asas tidak putus

TANAH MERAH – Pihak berkuasa memberi jaminan bekalan barangan asas adalah mencukupi sepanjang musim banjir, meskipun berdepan kemungkinan laluan terputus.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, sebanyak 172 pemborong dan peruncit di seluruh negeri dikenal pasti sebagai rangkaian bekalan yang akan menerima kuota tambahan 30 peratus bagi menampung permintaan penduduk.

"Kita pecahkan rangkaian ini mengikut setiap jajahan supaya jika berlaku laluan terputus, penduduk terjejas masih boleh mendapatkan

bekalan asas," katanya ketika sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan sempena kesiapsiagaan menghadapi musim tengkujuh.

Menurut Azman, setakat ini tiada laluan utama terputus dan semua pemborong serta peruncit masih boleh diakses tanpa gangguan.

Ujarnya, sebanyak 26 jenis barangan asas termasuk gula, minyak masak, telur, tepung, beras dan keperluan penting lain diarahkan menyimpan stok tambahan sebanyak 30 peratus bermula November hingga Mac.

"Ini baru gelombang pertama. Lazimnya kita berdepan empat

hingga lima gelombang banjir, bergantung kepada besar atau kecil keadaannya.

"Persediaan ini penting supaya masyarakat tidak terputus bekalan walaupun berlaku gangguan jalan raya," katanya.

Azman menjelaskan, lokasi pemborong dan peruncit terpilih adalah di kawasan tidak mudah ditenggelami air serta mempunyai premis penyimpanan mampu menampung tambahan barangan tersebut.

"Kita mahu pastikan walau apa pun situasi, masyarakat masih boleh mendapatkan keperluan harian mereka," katanya.

Over RM200 million to ensure stable supplies in Sabah

PUTRAJAYA: The government, through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), has allocated nearly RM202.5 million for the Essential Goods Distribution Programme (PPB) in Sabah.

This initiative aims to ensure that the people continue to receive stable supplies and affordable prices from May 2025 to April 2027.

In an exclusive interview with Bernama, Sabah KPDN director Shahril Nizam Shahidin said the allocation includes RM40.8 million for essential goods distribution, RM17.3 million for liquefied petroleum gas (LPG), and RM144.4 million for the Community Drumming component.

Community Drumming refers to the mechanism for delivering goods to remote areas.

Shahril Nizam emphasised that the government's priority in Sabah is to ensure fair access to stable supplies and reasonable prices, including for those in the most remote regions.

"This demonstrates the government's commitment to the well-being of the people," he said.

Through PPB, essential items such as rice, sugar, cooking oil, wheat flour, LPG, RON95 petrol, and diesel are delivered directly from supply centres to retail outlets via government appointed transporters, ensuring fair access for all segments of society.

So far, the programme has been implemented in 78 distribution zones, covering 228 areas, with 59 transporters supplying goods to 600 retail outlets across Sabah.

"This is part of the government's effort to ensure that people, especially those in remote areas and small islands, continue to receive essential

goods at controlled prices," Shahril Nizam said.

In addition to PPB, Shahril Nizam also highlighted the Rahmah Madani Sales Programme (PJRM), which offers discounts of 10 to 30 per cent on selected goods, helping to keep prices low.

He added that the combination of PPB and PJRM helps narrow the price gap between urban and rural areas, directly benefiting the people in Sabah.

"We want rural communities to pay the same prices as those in the cities. To achieve this, the government is covering part of the logistics costs, demonstrating its commitment to the people's welfare," he said.

Shahril Nizam further emphasised that KPDN in Sabah continues to enforce price controls and manage supply chains to prevent sudden price hikes.

"Our price monitoring officers track 480 items on a daily basis, 186 items weekly, and 74 items monthly. These efforts cover the entire supply chain, from supply to retail, ensuring that no one takes advantage of the situation," he said.

He added that these efforts align with the vision of the Domestic Trade and Cost of Living Minister, Datuk Armizan Mohd Ali, who aims for Sabah to become a model for monitoring and managing the cost of living in the country.

"The Minister wants Sabah to be an example of how the government works tirelessly to ensure that the people benefit directly and continuously.

"We hope Sabah will serve as a model for effective cost-of-living management, with the people recognising the government's commitment to their welfare," Shahril Nizam added. — Bernama





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Nov	KPDN Peruntuk Lebih RM200 Juta Pastikan Bekalan, Harga Barangan Stabil Di Sabah	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2495959	BERNAMA
28-Nov	Banjir: KPDN Kelantan Lantik 172 pemborong, peruncit pastikan bekalan barangan asas cukup	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/banjir-kpdn-kelantan-lantik-172-pemborong-peruncit-pastikan-bekalan-barangan-asas-cukup/	UTUSAN MALAYSIA
28-Nov	15 stesen minyak berisiko banjir dibenar simpan kuota tambahan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/15-stesen-minyak-berisiko-banjir-dibenar-simpan-kuota-tambahan/	UTUSAN MALAYSIA
28-Nov	BEKALAN KEPERLUAN MAKANAN DI KAWASAN TERJEJAS BANJIR DI PERAK TERJAMIN, MENCUKUPI - KPDN	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2496005	BERNAMA
28-Nov	KPDN Johor Rekod Lebih 1,500 Kes Ketidapatuhan Perniagaan	https://malaysiaaktif.my/2025/11/lebih-1500-kes-ketidapatuhan-perniagaan-direkodkan-kpdn-johor/	MALAYSIA AKTIF
28-Nov	MTL: KPDN Kelantan lantik 172 pemegang stok mini, pastikan bekalan asas cukup	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-kpdn-kelantan-lantik-172-pemegang-stok-mini-pastikan-bekalan-asas-cukup	BERITA RTM
28-Nov	KPDN lantik 172 premis simpan stok tambahan hadapi musim tengkujuh	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-lantik-172-premis-simpan-stok-tambahan-hadapi-musim-tengkujuh-549443?amp=1	ASTRO AWANI
28-Nov	KPDN PERUNTUK LEBIH RM200 JUTA PASTIKAN BEKALAN, HARGA BARANGAN STABIL DI SABAH	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2495959	BERNAMA
28-Nov	KPDN Lantik 172 Premis Simpan Stok Tambahan Hadapi Musim Tengkujuh	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2496218	
28-Nov	Aksesori brek motor berunsur lucah bukan buatan tempatan - peniaga	https://m.malaysiakini.com/news/761846	MALAYSIA KINI